



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

MINIT MESYUARAT

JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN BILANGAN 4/2023

YANG DIADAKAN PADA HARI RABU

18 DISEMBER 2024 – JAM 11.00 PAGI

BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT FIRUS, ARAS 2,

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

YANG HADIR

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. Dato' Haji Mohd Haffiz bin Haji Ahmad | - Datuk Bandar, MBIP (Pengerusi) |
| 2. Puan Hajah Khasanah binti Sufa'at @ Supaat | - Setiausaha, MBIP |
| 3. Encik Shahrulizam bin Abdul Rashid | - Timbalan Setiausaha, MBIP |
| 4. Puan Hajah Noor Zulilah binti Jaafar | - Akauntan, MBIP |
| 5. Sr. Ts. Dr. Tuan Haji Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer | - Pegawai Penilaian, MBIP |
| 6. Ts. Rosaidi bin Ibrahim | - Jurutera, MBIP |
| 7. Puan Norhafizah binti Ahamad | - Arkitek, MBIP |
| 8. Puan Nurulain binti Rahmat | - Peg. Kesihatan Persekitaran, MBIP |
| 9. Encik Azrullail bin Masijan | - Pegawai Tadbir, MBIP |
| 10. Y.M Raja Abu Bakar bin Raja Yahya | - Pegawai Penguatkuasa, MBIP |
| 11. Puan Nurul Huda binti Sanusi | - Pegawai Undang-undang, MBIP |
| 12. Encik Ruziman bin Rahmat | - Pegawai Tadbir, MBIP |
| 13. Ts. Siti Rafidah binti Arifin | - Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP |

- | | | |
|--|---|--|
| 14. Puan Fadzilah binti A. Rahim | - | Juruaudit, MBIP |
| 15. Puan Hajah Fazliaton binti Mohd Noor | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 16. Tuan Haji Emrizal bin Abdul Rahman | - | Pegawai Intergriti, MBIP |
| 17. TPr. Hajah Rosmawati binti Haron | - | Pegawai Perancang bandar dan
Desa, MBIP |
| 18. Puan Eniza binti Zainal Abidin | - | Pegawai Penilaian, MBIP |

YANG TURUT HADIR

- | | | |
|---|---|--|
| 1. Gs. TPr Chew Lee Ting | - | Pegawai Perancang Bandar
Dan Desa, MBIP |
| 2. Sr. Noor Faiz bin Kasmani | - | Pegawai Penilaian, MBIP |
| 3. Encik Mohamad Nor Azhar bin
Noor Mohamed | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 4. Puan Salwa binti Abd Rashid | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 5. Encik Muhammad Zul Asyraf bin Ismail | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 6. Encik Muhammad Hairuddin bin Bakrin | - | Pegawai Tadbir, MBIP |
| 7. Puan Farah Izzati binti Mohd Fuad | - | Pegawai Teknologi Maklumat,
MBIP |
| 8. Encik Azizul Jabar bin Ismail @ Abd Malek | - | Arkitek Landskap, MBIP |
| 9. Encik Muhammad Nazrin Shah bin
Muhamad Dali | - | Juruaudit, MBIP |
| 10. Encik Muhammad Rabbani bin Aziz | - | Penolong Pegawai Tadbir,
MBIP |

URUSETIA

- | | | |
|---|---|-----------------------|
| 1. Puan Fitri Syahirunnisaa' binti Mansor | - | Pembantu Tadbir, MBIP |
|---|---|-----------------------|

YANG TIDAK HADIR

1. Tpr. Ruzanna binti Mohamed - Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, MBIP
2. Y.M Ungku Ahmad bin Ungku Haji Zakaria - Pegawai Tadbir, MBIP

1.0 PERUTUSAN DATO' Pengerusi

- 1.1 Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan selamat sejahtera serta terima kasih kepada sekalian yang hadir pada mesyuarat kali ini.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BILANGAN 3/2023

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan Bilangan 3/2023 bertarikh 25 Oktober 2023 diterima dan disahkan oleh semua Ahli Mesyuarat.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT BERDASARKAN MINIT MESYUARAT BILANGAN 3/2023

- 3.1 Tiada perkara berbangkit

4.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN DOKUMEN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 1/2023 (1)

- 4.1 Encik Mohamad Nor Azhar bin Noor Mohamed, Pegawai Tadbir, MBIP membentangkan laporan berkenaan Keselamatan dan Perlindungan Dokumen di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

daripada bulan Oktober 2023 hingga November 2023 sebagaimana **kertas kerja JKKJ 1/2023(1)**.

4.1.1 Dato' Pengerusi meminta semua pengarah untuk memastikan sebarang pelupusan fail dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara. Hal ini dibuat bagi memastikan ruangan simpanan fail-fail jabatan sentiasa dalam keadaan yang baik.

(Tindakan: Makluman)

4.1.2 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan Dokumen bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

4.2 Encik Mohamad Nor Azhar bin Noor Mohamed, Pegawai Tadbir, MBIP membentangkan cadangan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Pegawai Bertugas Bulanan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Sebagaimana **kertas kerja JKKJ 1/2023 (2)**.

4.2.1 Encik Mohamad Nor Azhar bin Noor Mohamed, Pegawai Tadbir, MBIP menerangkan mengenai pewujudan sistem pegawai bertugas harian dan bulanan adalah sebagaimana teguran daripada pegawai keselamatan pada audit Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan daripada pihak Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Johor yang telah diadakan pada 24 Oktober 2023. Hal ini kerana, sistem pegawai harian dan bulanan ini merupakan salah satu kriteria Inspektorat Keselamatan tersebut. Skop tugas bagi pegawai bertugas harian dan pegawai bertugas bulanan adalah sebagaimana dinyatakan di dalam kertas kerja.

Pegawai bertugas harian hendaklah mengisi laporan setiap hari sebelum meninggalkan pejabat. Sekiranya ada kakitangan yang meninggalkan pejabat lebih lewat daripada pegawai yang bertugas, pegawai tersebut hendaklah membuat catatan pada laporan harian tersebut. Laporan harian yang telah dibuat oleh pegawai bertugas akan disemak dan disahkan oleh pegawai bertugas bulanan. Laporan Bertugas Bulanan hendaklah mendapatkan pengesahan PKJ dan disimpan bagi tujuan rujukan atau semakan.

4.2.2 Dato' Pengerusi meminta semua pengarah untuk membuat jadual harian dan bulanan bagi kakitangan di jabatan masing-masing. Beliau juga meminta semua pegawai dan kakitangan untuk bertanggungjawab dalam memastikan aspek keselamatan dipatuhi.

4.2.3 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran, MBIP telah memberi cadangan untuk menggunakan *Google Form* berbanding borang. Hal ini dapat memudahkan Pegawai Bertugas Harian untuk menghantar laporan.

4.2.4 Dato' Pengerusi mencadangkan tarikh berkuat kuasa **pada 1 Februari 2024** bagi Pelaksanaan Sistem Pegawai Bertugas Bulanan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

(Tindakan: Bahagian Pentadbiran Am, JKP)

4.2.5 Jawatankuasa setelah menimbangkan Cadangan Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Pegawai Bertugas Bulanan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri sebagaimana kertas kerja **JKKJ 1/2023 (2)** bersetuju **meluluskan** cadangan garis panduan tersebut.

**5.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN PEJABAT (FIZIKAL)
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 3/2023
(2)**

5.1 Sr. Ts. Dr. Tuan Haji Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer, Pegawai Penilaian, MBIP membentangkan tentang Dasar Keselamatan Bangunan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri sebagaimana **kertas kerja JKKJ 3/2023 (2)**.

5.1.1 Dato' Pengerusi meminta agar taklimat mengenai keselamatan dan laluan kebakaran diberikan pada kakitangan dan membuat latihan kebakaran.

5.1.2 Sr. Ts. Dr. Tuan Haji Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer, Pegawai Penilaian, MBIP memaklumkan bahawa latihan kebakaran telah diadakan sebelum ini dan mendapat maklumbalas yang baik daripada Pihak Bomba dan Penyelamat

5.1.3 Dato' Pengerusi memberi cadangan untuk mengadakan sesi latihan kebakaran untuk semua kakitangan MBIP.

**(Tindakan: Jabatan Penilaian dan
Pengurusan Harta, MBIP)**

5.2 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Perlindungan Pejabat (Fizikal) bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

6.0 LAPORAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 3/2023 (3)

6.1 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP membentangkan tentang aktiviti yang telah dijalankan oleh jawatankuasa pada bulan Julai 2023 hingga Disember 2023. Laporan bagi Audit Kendiri Bil.4/2023 boleh dirujuk sebagaimana **kertas kerja JKKJ 3/2023 (3)**. Beliau menerangkan purata jabatan yang memperolehi markah yang rendah adalah kerana faktor kekemasan dan kebersihan, penyimpanan bahan kimia dan juga pencegahan kebakaran.

6.1.1 Dato' Pengerusi meminta semua pengarah memberi perhatian mengenai faktor-faktor keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing bagi memastikan keselesaan dan keselamatan kakitangan. beliau menasihatkan untuk mengambil berat terhadap aspek keselamatan bagi mengelakkan sebarang kemalangan di tempat kerja.

(Tindakan: Makluman)

6.2 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP memaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Iskandar Puteri telah menyertai Anugerah MiSHA National Awards on OSH Principle of Prevention (OSHPPoP) 2023 bagi kategori M31 MiSHA National Award on OSH Risk Management in Government Sector 2023 yang telah dilaksanakan secara atas talian dan telah berjaya mendapat Gold Award bagi kategori tersebut.

6.2.1 Dato' Pengerusi mengucapkan tahniah kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat khususnya Jabatan Kesihatan Awam di atas pencapaian yang telah diperolehi.

(Tindakan: Makluman)

- 6.3 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP** membentangkan laporan Pentaksiran Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan bagi bulan September 2023 hingga November 2023. Jabatan Kesihatan Awam telah melaksanakan empat pentaksiran risiko sebagaimana **kertas kerja JKKJ 3/2023 (3)**.

(Tindakan: Makluman)

- 6.4 Puan Nurulain binti Rahmat, Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP** memaklumkan mengenai Occupational Safety, Health And Enviroment (OSHE) Digital System ialah pendigitalan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang mempunyai beberapa modul yang didigitalkan termasuklah pendaftaran PPE, Audit Kendiri KKP, Permit to Work (PTW), daftar NADAPOD dan daftar bahan kimia. Sistem ini dijangka akan dilancarkan pada Julai 2024.

(Tindakan: Makluman)

6.4 KEPUTUSAN

Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

7.0 LAPORAN KESELAMATAN ICT MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI SEBAGAIMANA KK : JKKJ 3/2023 (4)

7.1 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan tentang Garis Panduan Untuk Mendapatkan Data Secara Forensik Daripada Kamera Papan Pemuka sebagaimana **JKICT 01-03/2023**.

7.1.1 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan sebanyak 10 unit kenderaan penumpang MBIP telah lengkap dipasang kamera papan pemuka. Garis panduan ini juga akan diedarkan ke Unit Pengurusan Logistik dan juga hebahan jabatan bagi tujuan rujukan.

7.1.2 Dato' Pengerusi mencadangkan untuk menambah pembelian kamera papan pemuka bagi ke semua kenderaan penumpang MBIP.

7.1.3 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan sekiranya berlaku sebarang insiden, pihak yang terlibat dilarang untuk melakukan sebarang perubahan bagi mengelakkan terjadi kerosakan pada bahan bukti tersebut.

(Tindakan: Jabatan Kejuruteraan)

7.1.4 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT01-03/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

7.2 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP memaklumkan Pendedahan Kepada Teknologi 5G sebagaimana **KK: JKICT KK 02-03/2023**.

7.2.1 Encik Azrullail, Pegawai Tadbir, MBIP memaklumkan bahawa Jabatan Pelesenan mengalami kesukaran untuk melakukan pendaftaran atas talian terutamanya pendaftaran permohonan lesen dan sebagainya apabila membuka kaunter sementara di Dewan Utama ataupun di Klinik kerana kelemahan pada rangkaian internet di dalam bangunan MBIP.

7.2.2 Dato' Pengerusi mencadangkan Jabatan Teknologi Maklumat untuk merujuk pembekal bagi mendapatkan liputan rangkaian 5G di kawasan MBIP.

**(Tindakan: Jabatan Teknologi Maklumat,
MBIP)**

7.2.3 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT02-03/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

7.3 Puan Siti Rafidah binti Arifin, Pegawai Teknologi Maklumat, MBIP membentangkan Laporan Infografik Sebagai Hebahan dan Makluman Asas Kepada Semua Agensi sebagaimana **KK : JKICT KK 03-03/2023**.

7.3.1 Encik Mohamad Nor Azhar bin Noor Mohamed, Pegawai Tadbir, MBIP memaklumkan bahawa sebarang hebahan hendaklah dilakukan secara rasmi iaitu menerusi emel atau memo. Perkara ini sebagaimana kriteria Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan daripada pihak Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Johor.

**(Tindakan:
Jabatan Teknologi Maklumat, MBIP)**

7.3.2 Jawatankuasa setelah menimbangkan Laporan Jawatankuasa Keselamatan ICT sebagaimana KK: JKICT03-03/2023 bersetuju **meluluskan** laporan tersebut.

8.0 HAL-HAL LAIN

8.1 Tiada.

9.0 PENUTUP

9.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 pagi dan ucapan terima kasih daripada Dato' Pengerusi.

Disediakan :



(FITRI SYAHIRUNNISAA' BINTI MANSOR)

Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Pentadbiran Am

Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disemak :



(MOHAMAD NOR AZHAR BIN NOOR MOHAMED)

Penolong Pengarah (Pentadbiran Am)

Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Disahkan :



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Pengerusi

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan Bilangan 4/2023

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

Tarikh : Januari 2024